



KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di dalam bidang/gred seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan Perkhidmatan/Kerja seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
PB/PER/PPB/3/3/25	TAWARAN MENJALANKAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN MESIN BASUH DAN MESIN PENGERING BAJU LAYAN DIRI DI KOLEJ AL ZAHRAWI UITM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM BAGI TEMPOH 2 TAHUN Harga Dokumen : RM20.00 Senaskah	a) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di dalam Kod Bidang: 222302 (Dobi) ATAU b) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

- Dokumen Sebut Harga**
Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **27/05/2025 di PEJABAT BENDAHARI UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.45 petang.
- Lawatan Tapak/Taklimat bagi Sebut Harga di atas akan diadakan pada **03/06/2025 (SELASA) JAM 11.00 PAGI BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT KOLEJ AL ZAHRAWI , UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM**
- Kehadiran Petender ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN**. *Hanya Penama di dalam SSM ATAU KKM sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Petender tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam siji-sijil yang dinyatakan.* Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut:
 - Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
 - Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Sebut Harga yang dibuka ini
- Dokumen Tawaran boleh dibeli **Selepas Taklimat dan Lawatan Tapak** di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** pada waktu pejabat dengan menggunakan kaedah pembayaran pindahan atas talian (*online banking*) di atas nama BENDAHARI UiTM (No. Akaun : 07043011032914).
- Petender-petender dikehendaki membawa **SIJIL ASAL KKM, Sijil Taraf Bumiputera, SSM** dalam kelayakan seperti di atas dan menyerahkan satu **Salinan (fotostat)** semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.
- Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
- Tawaran Sebutharga akan ditutup pada **10/06/2025 Jam 12.00 Tengahari.**

8. Tawaran Sebutharga akan ditutup pada masa yang ditetapkan. Tawaran Sebutharga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.